



MAIWP

**TAWARAN BIASISWA
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
LUAR NEGARA (MESIR / JORDAN / MOROCCO)
PENGAMBILAN BARU SESI 2022/2023**

1. Tawaran adalah dibuka kepada calon-calon yang mendapat keputusan peperiksaan **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Diploma Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat yang berkelayakan** bagi melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Luar Negara **Tahun Pertama sesi 2022/2023 di Mesir / Jordan / Morocco.**
2. Penempatan pusat pengajian **HANYA** melalui **Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT)** sahaja yang layak dipertimbangkan untuk memohon Biasiswa MAIWP.
3. Program yang ditaja di Universiti (**JORDAN**) adalah seperti berikut:
 - **Ijazah Sarjana Muda Bidang Ekonomi / Perbankan / Pengajian Islam / Bahasa Arab**
4. Program yang ditaja di Universiti (**MESIR**) adalah seperti berikut:
 - **Ijazah Sarjana Muda Pengajian Perubatan / Pengajian Pergigian / Pengajian Bahasa Arab/ Dakwah/ Dirasat Islamiah/ Syariah dan Undang-undang / Syariah Islamiah/ Usuluddin / Pengajian Ulum Islamiah / Pengajian Qiraat**
5. Program yang ditaja di Universiti (**MOROCCO**) adalah seperti berikut:
 - **Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam**
6. **Syarat Umum**
 - a) Islam
 - b) Warganegara Malaysia
 - c) Bermastautin dan masih menetap di Wilayah Persekutuan tidak kurang daripada 1 tahun.
 - d) Tidak mendapat sebarang tajaan atau biasiswa daripada mana-mana pihak.
 - e) Tertakluk kepada pengiraan had kifayah.

7. Syarat Khusus (Kelayakan Minima Akademik)

7.1 (PENGAJIAN DI MESIR)

- a) Bagi calon yang memohon bidang Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Universiti Al-Azhar Mesir mestilah :
- **Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)** dengan memperolehi sekurang-kurangnya mendapat **7 Mumtaz** dan **3 Jayyid Jiddan** dengan keputusan keseluruhan **Mumtaz, DAN :**
 - Memiliki **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan sekurang-kurangnya **Gred (B) Bahasa Melayu.**
- b) Bagi calon yang memohon bidang Pengajian Ijazah Sarjana Muda Ulum Islamiah, Universiti Al-Azhar Mesir mestilah :
- Memiliki **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan mendapat sekurang-kurangnya **Gred (B)** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu** dan cemerlang **(A)** dalam **6** mata pelajaran termasuk mata pelajaran **Bahasa Arab, Pengajian Syariah Islamiah, Pendidikan Al-Quran As-Sunnah, Bahasa Inggeris, dan Matematik.**
- c) Bagi calon yang memohon bidang Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Qiraat Maahad Al-Qiraat Al-Azhar Mesir mestilah :
- **Lulus Diploma Pengajian Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan keputusan sekurang-kurangnya **CGPA 3.5** atau mana-mana kolej / Universiti yang setaraf dengannya serta diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- DAN**
- Memiliki **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan sekurang-kurangnya **Gred (B)** bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu**
- d) Bagi calon yang memohon bidang Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Perubatan, Pengajian Pergigian dan Pengajian Farmasi mestilah :
- Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya **Gred (A-)** dalam **8** mata pelajaran (**Bahasa Melayu, Biologi, Fizik, Kimia, Matematik, Matematik Tambahan, Bahasa Inggeris, Sejarah**) **DAN Lulus Bahasa Arab (Sekurang-kurangnya C)**

7.2 (PENGAJIAN DI UNIVERSITI JORDAN DAN MOROCCO)

- a) Bagi calon yang memohon bidang Pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti Jordan dan Morocco mestilah :
- Memiliki **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan mendapat sekurang-kurangnya **Gred (B)** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu** dan cemerlang **Gred (A)** dalam **6** mata pelajaran termasuk mata pelajaran **Bahasa Arab, Pengajian Syariah Islamiah, Pendidikan Al-Quran As-Sunnah, Bahasa Inggeris, dan Matematik.**

8. Calon-calon yang tidak layak memohon :

- a) Pelajar-pelajar yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.
- b) Pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus peringkat matrikulasi / asasi sains / pra-universiti / alpha / foundation / kursus persediaan bahasa.
- c) Pegawai yang sedang berkhidmat sama ada dalam perkhidmatan Awam atau Swasta dan diluluskan cuti separuh gaji.
- d) Pelajar yang mengikuti program / kursus jarak jauh / separuh masa.
- e) Pelajar yang pernah ditamatkan bantuan atau ditarik balik bantuan oleh mana-mana penaja atas sebab tindakan disiplin.
- f) Pelajar yang mempunyai masalah kesihatan yang kronik

9. Cara Memohon

Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta salinan dokumen sokongan berkaitan hendaklah dihantar ke:

- i. Kaunter Agihan Aras 1, Bangunan PERKIM, Jalan Sultan Azlan Shah 51200 Kuala Lumpur
- ii. Semua Kaunter Pusat Agihan Zakat (PAZA)
- iii. Kaunter MAIWP Cawangan Putrajaya
- iv. Kaunter MAIWP Cawangan Labuan

10. Tarikh Tutup Permohonan

31 Julai 2022 (Ahad)

11. **PERHATIAN**

Hanya calon-calon yang berjaya selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil temuduga. Bagi calon-calon yang tidak mendapat sebarang jawapan dalam tempoh **sebulan dari tarikh tutup iklan** dianggap tidak berjaya.

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan, sila hubungi di talian: **03-40477600 samb. 7410 / 7411 / 7412 / 7413 / 7632 Unit Pendidikan, Seksyen IPT Bahagian Agihan Zakat** (waktu berkerja)

LAMPIRAN A

Syarat Kelayakan Minima Akademik Pengajian Islam (MESIR)

- Memiliki **Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)** Tahun 2021 dengan sekurang-kurangnya **7 Mumtaz dan 3 Jayyid Jiddan** dengan keputusan keseluruhan **Mumtaz** serta **Gred (B)** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu (SPM)**

Syarat Kelayakan Minima Akademik Pengajian Ulum Islamiah (MESIR)

- Memiliki **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** Tahun 2021 dengan mendapat sekurang-kurangnya **Gred (B)** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu** dan cemerlang **(A)** dalam **6** mata pelajaran termasuk mata pelajaran **Bahasa Arab, Pengajian Syariah Islamiah, Pendidikan Al-Quran As-Sunnah, Bahasa Inggeris, dan Matematik.**

Syarat Kelayakan Minima Akademik Pengajian Qiraat (MESIR)

- **Lulus Diploma Pengajian Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan keputusan sekurang-kurangnya **CGPA 3.5** dan memiliki **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan sekurang-kurangnya **Gred (B) Bahasa Melayu.**

Syarat Kelayakan Minima Akademik Pengajian Perubatan, Pengajian Pergigian dan Pengajian Farmasi (MESIR)

- Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2021 dengan sekurang-kurangnya **Gred (B)** dalam mata pelajaran Bahasa Melayu **dan sekurang-kurangnya mendapat (A-)** dalam **7** mata pelajaran (**Bahasa Melayu, Biologi, Fizik, Kimia, Matematik, Matematik Tambahan, Bahasa Inggeris, Sejarah**) dan **Lulus Bahasa Arab (Sekurang-kurangnya C)**

Syarat Kelayakan Minima Akademik (JORDAN)

- Memiliki **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** Tahun 2021 dengan mendapat sekurang-kurangnya **Gred (B)** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu** dan cemerlang **Gred (A)** dalam **6** mata pelajaran termasuk mata pelajaran **Bahasa Arab, Pengajian Syariah Islamiah, Pendidikan Al-Quran As-Sunnah, Bahasa Inggeris, dan Matematik.**

Syarat Kelayakan Minima Akademik (MOROCCO)

- Memiliki **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** Tahun 2021 dengan mendapat sekurang-kurangnya **Gred (B)** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu** dan sekurang-kurangnya **Gred (A)** dalam **6** mata pelajaran termasuk mata pelajaran **Bahasa Arab, Pengajian Syariah Islamiah, Pendidikan Al-Quran As-Sunnah, Bahasa Inggeris, dan Matematik**

